

**KAJIAN KEMEROSOTAN DISIPLIN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH DI SEKITAR BANDAR KUCHING**

OLEH:

DEBBY SEMI (98440797)

SYURIANA BT. RAMLI (98441237)

Kertas projek in dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Pentadbiran Awam

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK**

SEPTEMBER 2001

ISI KANDUNGAN

| | Muka surat |
|---|-------------------|
| Surat Penyerahan | i |
| Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan | iii |
| Penghargaan | iv |
| Abstrak | v |
| Daftar Jadual | vi |
| Daftar Rajah | vii |
| | |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar belakang kajian | 4 |
| 1.3 Penyata masalah | 6 |
| 1.4 Objektif kajian | 7 |
| 1.5 Skop kajian | 8 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 10 |
| 1.7 Konstren kajian | 11 |
| | |
| BAB 2 TINJAUAN LITERATURE | |
| 2.1 Pengenalan | 13 |
| 2.2 Jenis masalah disiplin pelajar | 14 |
| 2.3 Punca kepada masalah disiplin | 17 |
| 2.4 Cara mengatasi masalah disiplin pelajar | 20 |
| 2.5 Hipotesis | 24 |
| | |
| BAB 3 MITODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 Pengenalan | 25 |
| 3.2 Kaedah pengumpulan data | 26 |
| 3.3 Teknik persampelan | 28 |
| | |
| BAB 4 ANALISIS DATA | |
| 4.1 Pengenalan | 29 |
| 4.2 Data Analisis | 30 |

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti akan punca kemerosotan disiplin di kalangan pelajar. Ia memberi penekanan kepada jantina, kaum, hubungan sosial pelajar, perkembangan akademik pelajar, latar belakang pelajar dan perkembangan disiplin pelajar di sekolah. Kawasan kajian ini meliputi tiga buah sekolah yang berada di sekitar bandar Kuching. Seramai 150 orang pelajar yang dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak bersistematik. Data dikumpul menggunakan teknik temubual dan pemerhatian berdasarkan borang soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan ujian statistik SPSS-X. Kajian selanjutnya memerlukan penelitian yang lebih terperinci terhadap setiap aspek yang dikaji agar boleh menggambarkan kemerosotan disiplin pelajar dengan lebih jelas. Aspek-aspek ini perlu diberi perhatian semasa menilai tahap disiplin seseorang pelajar dan cara untuk mengatasinya.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Di dalam meredah arus globalisasi di abad ke 21 ini, manusia sering alpa demi mengejar kemewahan dunia. Nilai-nilai murni serta disiplin diri sudah tidak diamalkan selalu dalam meniti kehidupan seharian. Apa yang disemai serta dipraktikkan di dalam diri sejak dari kecil lagi tidak lagi menjadi pegangan hidup setiap individu.

Sejak lahir kita sudah dididik dan diasuh dengan disiplin diri. Masa untuk bermain, makan mahupun tidur telah ditetapkan oleh ibu bapa kita. Kita juga diajar untuk mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada. Apabila sudah memasuki alam persekolahan, kita juga diajar untuk menjadi seorang pelajar yang lebih berdisiplin. Peraturan-peraturan sekolah yang sudah ditetapkan oleh pihak sekolah mestilah dipatuhi oleh setiap pelajar.

Namun begitu, tahap disiplin pelajar masa kini amat membimbangkan. Ini kerana semakin hari tahap disiplin pelajar terutamanya pelajar sekolah menengah semakin merosot. Pelajar masa kini sudah tidak takut untuk melanggar peraturan sekolah. Boleh dikatakan hampir setiap hari kita dihidangkan dengan berita-berita melibatkan pelajar yang melakukan kesalahan umpamanya mencuri, ponteng sekolah, membuli, merosak harta-benda sekolah, merokok dan sebagainya.

BAB 2

TINJAUAN LITERATURE

2.1 Pengenalan

Semasa membuat kajian banyak hasil tulisan atau karya orang lain yang membantu dalam memahami dan memberi maklumat yang berguna kepada kajian ini. Ini adalah merupakan salah satu usaha dalam mengumpul maklumat dan sumber pengetahuan. Kehidupan di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Baru, Kuching dan sebagainya telah mendedahkan individu terutama pelajar kepada pelbagai ragam kehidupan dan kemudahan infrastruktur.

Di sebabkan perkara tersebut semakin banyak perkara yang berunsur negatif yang kita dengar berlaku hampir setiap hari. Ini tidak terkecuali berlaku di kalangan pelajar sekolah. Kini masalah disiplin pelajar bukanlah satu perkara baru. Malah ia bukan sahaja berlaku di negara kita sahaja malah ia juga berlaku di luar negara. Malah apa yang berlaku di luar negara sudah tidak terkawal.

Berdasar satu laporan daripada akhbar yang bertarikh 19 Julai 2000, sebanyak 4, 922.441 kes pelanggaran disiplin melibatkan pelajar di seluruh negara diterima oleh Kementerian Pendidikan dalam tempoh lima tahun lalu sejak tahun 1996. Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir Mohd. Kher berkata, kes-kes pelanggaran disiplin itu melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.⁴

⁴ Utusan Malaysia, 20 Julai 2001, "4, 922.441 kes disiplin pelajar sejak '96"